

MAKLUMAN KEMASUKAN BAGI PELAJAR PUSAT PENGAJIAN SAINS MATEMATIK BAGI SEMESTER KEDUA, SIDANG AKADEMIK 2021/2022

- 1.0 Hebahan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bil 3/2022 berkenaan Panduan Persiapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan SOP Kemasukan Pelajar Semester 2, Sidang Akademik 2021/2022 adalah berkaitan.
- 2.0 Dimaklumkan bahawa kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi semua pelajar akan dijalankan secara dalam talian. Walau bagaimana pun, terdapat kelompok pelajar yang memerlukan kehadiran secara fizikal di kampus seperti berikut:
 - (a) Semua Pelajar Tahun 1
 - (b) Semua Pelajar Tahun 4
 - (c) Pelajar yang mendaftar kursus-kursus berikut:
 - MAT111/4 Linear Algebra
 - MAT202/4 Introduction to Analysis
 - MSG382/3 Modelling Laboratory II
 - MSS416/4 Rings and Fields
- 3.0 Bagi kursus-kursus dalam perenggan 2.0 (c) di atas, pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan secara dalam talian dan tutorial akan dijalankan secara bersemuka. Perancangan sepenuhnya akan diberikan oleh pensyarah berkenaan.
- 4.0 Pelajar yang perlu menghadiri kelas secara bersemuka, bolehlah membuat permohonan penginapan di desasiswa dengan melengkapkan Borang A dalam CampusOnline. Pelajar perlu mengisi Borang A di portal Campus Online (<http://campusonline.usm.my/>) yang akan diluluskan oleh Dekan Pusat Pengajian. Rujuk panduan dan SOP yang dinyatakan dalam Hebahan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bil 3/2022.
- 5.0 Pelajar adalah digalakkan untuk berhubung dengan Penasihat Akademik sekiranya mempunyai sebarang masalah dan memerlukan penasihat berkaitan pembelajaran secara dalam talian.
- 6.0 Pusat Pengajian Sains Matematik komited dalam menangani penularan wabak Covid-19 dan memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar di tahap yang memuaskan. Pastikan pelajar peka dengan hebahan yang dikeluarkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dr. Hailiza Kamarulhailli
Dekan
Pusat Pengajian Sains Matematik

Tarikh makluman dikeluarkan : 9 Mac 2022